

Pengkayaan Kosa Kata Bahasa Inggeris Melalui Kad Gambar Dua Hala Dan Teknik 'Eye Spy'

Bavithrah A/P Govindarajan

Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ganesar

*Corresponding author: sujabavi00@gmail.com

Received: 17th September 2025; Revised: 1st October 2025; Accepted: 3rd November 2025

ABSTRAK

Tinjauan awal mendapati murid tidak mahir dalam menjawab soalan yang berkaitan dengan kosa kata Bahasa Inggeris dan tidak mengenal maksud kosa kata dalam buku (Get Smart) Tahun 4. Pentaksiran bilik darjah yang dijalankan pada waktu PdPc juga menunjukkan murid tidak dapat menjawab soalan Bahasa Inggeris dengan betul. Hal ini kerana murid menghadapi masalah dalam mengenal maksud kosa kata Bahasa Inggeris. Objektif kajian ini dijalankan untuk meningkatkan penguasaan 30 kosa kata Bahasa Inggeris bagi murid Tahun 4 Valluvar. Fokus kajian ini adalah untuk meningkatkan penguasaan 30 kosa kata Bahasa Inggeris iaitu mengenal maksud kosa kata melalui kad gambar dua hala dan teknik 'Eye Spy'. Sehubungan itu, murid dapat menguasai kemahiran membaca dengan menggunakan teknik 'Eye Spy'. Ini akan meningkatkan kualiti dan potensi murid memperoleh markah yang lebih tinggi dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Kaedah kajian melibatkan kumpulan sasaran seramai 6 orang murid Tahun 4 Valluvar. Pelaksanaan kajian adalah melalui pemerhatian guru dan aktiviti latihan kosa kata yang pelbagai tanpa melibatkan sebarang analisa statistik. Dapatan daripada penggunaan teknik 'Eye Spy' ini membolehkan murid boleh membaca dan mengenal maksud 30 kosa kata Bahasa Inggeris dengan menggunakan gambar. Ini terbukti apabila seramai 6 orang murid dapat menyiapkan latihan kosa kata dan membaca petikan Bahasa Inggeris melalui kad gambar dua hala dan dengan menggunakan teknik 'Eye Spy'.

Kata kunci: kad gambar, teknik 'Eye Spy', kosa kata, penguasaan, pemerhatian

ABSTRACT

An initial survey found that pupils had limited proficiency in answering questions related to English vocabulary and were unable to understand the meanings of vocabulary items in the Year 4 Get Smart textbook. Classroom-based assessments conducted during teaching and learning sessions also showed that pupils were unable to answer English questions correctly due to difficulties in understanding English vocabulary. Therefore, this study aimed to improve the mastery of 30 English vocabulary items among six Year 4 Valluvar pupils through the use of two-sided picture cards and the 'Eye Spy' technique. The study focused on helping pupils understand vocabulary meanings and improve their reading skills through the 'Eye Spy' technique, with the aim of enhancing their performance in English. The study involved six Year 4 Valluvar pupils as the target group. Data were collected through teacher observations and various vocabulary exercises without statistical analysis. The findings showed that the use of the 'Eye Spy' technique enabled all six pupils to read and understand the meanings of the 30 English vocabulary items using pictures. All six pupils were able to complete the vocabulary exercises and read English passages using the two-sided picture cards and the 'Eye Spy' technique.

Keywords: picture cards, 'Eye Spy' technique, vocabulary, mastery, observation

1. PENGENALAN

Aspek penguasaan kosa kata penting bagi seseorang murid untuk menguasai kemahiran membaca, bertutur dan menulis. Kegagalan memperoleh dan memperkembangkan kosa kata akan menjejaskan pencapaian bahasa seseorang murid sama ada dalam kemahiran membaca, kemahiran bertutur serta kemahiran menulis (Ilxomovich, 2024). Notion (2023) menekankan bahawa setiap kemahiran bahasa yang terdiri dari kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan penulisan adalah berbeza, lalu menekankan kepentingan memberi perhatian kepada setiap kemahiran.

Dalam kelas pengkaji, didapati 6 orang murid tidak dapat menjawab soalan Bahasa Inggeris dengan betul. Hal ini kerana, murid-murid ini mempunyai tahap penguasaan kosa kata yang kurang. Misalnya, murid menghadapi masalah dalam mengenal maksud kosa kata Bahasa Inggeris. Pengkaji juga didapati murid menghadapi kesukaran untuk membaca petikan Bahasa Inggeris secara lancar. Disamping itu, murid-murid ini juga didapati hanya bergantung kepada latihan pada waktu pengajaran dan pemudahcaraan dalam bilik darjah sahaja. Ini membimbangkan pengkaji kerana kemahiran Bahasa Inggeris perlu diasahkan setiap hari untuk meningkatkan kecekapan murid dalam mempraktikkan bahasa kedua ini. Ini juga selari dengan saranan Notion (2017) bahawa pembelajaran kosa kata memerlukan dua syarat asas iaitu pengulangan perkataan dan pemprosesan mental yang berulang untuk meningkatkan penguasaan perbendaharaan kata. Oleh itu, pengkaji merancang untuk menjalankan program berfokuskan untuk meningkatkan penguasaan kosa kata Bahasa Inggeris.

2. KAJIAN LITERATUR

Kajian-kajian lepas telah menunjukkan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar yang kreatif dan kaedah pengajaran yang menarik berupaya meningkatkan penguasaan kosa kata Bahasa Inggeris dalam kalangan murid-murid. Penggunaan kad gambar dua hala dan teknik Eye Spy merupakan salah satu kaedah yang terbukti berkesan (Yuldasheva, 2021). Selain itu, kaedah kad gambar dua hala ini dapat digunakan secara bermain, terutamanya untuk murid-murid tahap rendah. Hal yang sama dikukuhkan lagi melalui dapatan kajian oleh Fong dan Mohd Fikri (2020) yang mendapati kaedah bermain sebagai antara pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam kalangan murid sekolah rendah. Dapatan daripada kajian Nur Nazuha (2018) juga menunjukkan murid-murid sekolah rendah atau murid awal tidak faham perkataan atau kosa kata dalam Bahasa Inggeris serta tidak mengingat kosa kata atau perkataan yang telah diajar. Selain itu, kemahiran bertutur dalam Bahasa Inggeris juga amat lemah iaitu mereka hanya menghafal dialog yang sering guru gunakan. Dapatan ini selari dengan pernyataan Schmitt (2000) bahawa perkataan baharu yang dapat ditangkap dan difahami daripada pemerhatian teks atau dalam perbualan, namun menggunakan perkataan baharu itu, adalah lebih sukar. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang ini dengan meneliti kesan penggunaan kaedah tersebut terhadap penguasaan 30 kosa kata Bahasa Inggeris bagi enam orang murid Tahun 4 Valluvar.

3. FOKUS KAJIAN

Kajian tindakan yang dijalankan ini difokuskan pada murid yang lemah dalam penguasaan kosa kata dalam aspek mengenal maksud kosa kata dan kemahiran membaca. Apabila diminta untuk membaca atau bertanya maksud perkataan dalam Student's Book (Get Smart) Tahun 4, murid hanya mendiamkan diri dan mengharap guru memberikan jawapan. Dapatan kajian Nur Nazuha (2018) menunjukkan murid-murid sekolah rendah tidak faham maksud kosa kata dalam Bahasa Inggeris. Hal ini, memberikan peluang kepada pengkaji perlu ada satu teknik dan bahan yang sesuai yang boleh menarik perhatian murid-murid Tahun 4 Valluvar dan sesuai dengan diri mereka bagi meningkatkan penguasaan kosa kata Bahasa Inggeris. Sekiranya

kelemahan ini tidak diatasi, besar kemungkinan tahap penguasaan kosa kata Bahasa Inggeris kelas ini masih berada di tahap yang sama. Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan subtopik 'Where Are you from?', 'Games', 'My Week', 'Housework' dan 'The Emperor's Nightingale' dari silibus matapelajaran Bahasa Inggeris Buku Teks (Get Smart) Tahun 4.

3.1 OBJEKTIF

Kajian ini merupakan satu usaha memperbaiki pengajaran bagi membantu meningkatkan penguasaan kosa kata Bahasa Inggeris. Penggunaan kad gambar dua hala dan teknik 'Eye Spy' digunakan agar dapat mencapai objektif berikut:

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji penambah baikan pengajaran bagi meningkatkan kecekapan murid dalam menguasai Kosa Kata Bahasa Inggeris dengan menggunakan kad gambar dua hala dan teknik 'Eye Spy'.

- i. Manakala objektif pengajaran ialah untuk menunjukkan kepentingan mengenal maksud 30 kosa kata Bahasa Inggeris lebih cepat dengan menggunakan kad gambar dua hala walaupun dengan sebarang soalan yang berkaitan dengan 30 kosa kata yang diberi dalam pentaksiran.
- ii. Objektif pengajaran kedua ialah untuk memberi penekanan terhadap kecekapan membaca dengan betul dan lancar dengan memahami maksud petikan Bahasa Inggeris. Selain itu, pengajaran juga bertujuan untuk memberi penekanan terhadap kecekapan membaca dengan betul dan lancar dengan memahami maksud petikan Bahasa Inggeris.

3.2 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini berfokus kepada 6 orang murid tahun 4 Valluvar dari SJKT Ganesar, Serdang yang terdiri daripada 5 orang murid lelaki dan 1 orang murid perempuan. Semua 6 orang murid ini menunjukkan penguasaan yang agak lemah dalam penguasaan kosa kata Bahasa Inggeris.

4. DAPATAN DAN PERBINCANGAN


Berdasarkan refleksi pengajaran dan pemudahcaraan yang lalu, hasil pemerhatian pengkaji didapati 6 orang murid tidak dapat menjawab soalan Bahasa Inggeris dengan betul kerana menghadapi masalah dalam penguasaan kosa kata dan kemahiran bacaan Bahasa Inggeris yang tidak memuaskan. Murid-murid ini juga sukar memahami maksud kosa kata Bahasa Inggeris di buku (Get Smart) Tahun 4. Hal ini juga dapat dilihat melalui penilaian yang dijalankan oleh pengkaji di bilik darjah. Sehubungan dengan itu, pengkaji merancang tindakan intervensi yang sesuai untuk membantu 6 orang murid ini bagi mengatasi kelemahan ini.

4.1 Tinjauan Masalah dan Pemerhatian

Aktiviti Tinjauan Masalah: Latihan Bahasa Inggeris

Kajian ini diadakan selepas tamat Latihan yang dijalankan pada bulan April 2023 di bilik darjah oleh pengkaji dalam PdPc Bahasa Inggeris.

Gambar 1. Hasil Latihan Murid di Bilik Darjah



Ujian Pra

Ujian Pra dijalankan pada awal sesi kajian untuk menguji tahap penguasaan murid dalam penguasaan kosa kata Bahasa Inggeris. Data yang diperoleh dari Ujian Pra adalah seperti berikut:

Mengenal Maksud 30 kosa kata Bahasa Inggeris

Jadual 1. Pencapaian 6 Orang Murid Dalam Ujian Pra

Bil	Murid	UJIAN PRA (MAKSUD KOSA KATA)				
		Set 1 (7)	Set 2 (6)	Set 3 (3)	Set 4 (8)	Set 5 (6)
1	A	2/7	6/6	1/3	3/8	1/6
2	B	2/7	2/6	1/3	3/8	1/6
3	C	2/7	4/6	1/3	3/8	1/6
4	D	2/7	3/6	1/3	3/8	1/6
5	E	4/7	5/6	2/3	4/8	3/6
6	F	5/7	6/6	3/3	4/8	3/6

Setelah dianalisis data menunjukkan majoriti murid gagal menguasai maksud 30 kosa kata Bahasa Inggeris.

Pemerhatian Aktiviti 1

Pengkaji memberi bimbingan untuk menjawab soalan Bahasa Inggeris di buku 'Workbook' (Get Smart) Tahun 4 dan beberapa latihan yang diberikan oleh guru pada waktu PdPc. Pengkaji mendapati 6 orang murid dikenalpasti gagal menjawab soalan Bahasa Inggeris dengan betul kerana mempunyai tahap penguasaan kosa kata yang kurang. Disamping itu, kemahiran bacaan juga menunjukkan tahap yang kurang memuaskan dalam kalangan murid ini. Selain itu, murid-murid ini juga mengambil masa yang terlalu lama untuk menjawab soalan Bahasa Inggeris.

Malah dalam pentaksiran penggal 1, murid dikehendaki menjawab soalan esei dan struktur dalam matapelajaran Bahasa Inggeris. Ini memberi kesan kepada markah murid bagi pentaksiran satu khususnya dan memberikan kesan kepada markah keseluruhan subjek Bahasa Inggeris.

Refleksi Aktiviti 1

- i. Murid perlukan satu teknik bagi menguasai kosa kata Bahasa Inggeris untuk meningkatkan kemahiran bacaan dalam Bahasa Inggeris. .
- ii. Sikap terlalu bergantung bantuan guru perlu dikurangkan supaya murid lebih berani dan yakin menjawab soalan Bahasa Inggeris.
- iii. Aktiviti menjawab soalan Bahasa Inggeris hanya berlaku dalam waktu PdPc sahaja dan tidak berlaku secara berterusan di luar waktu PdPc.

4.2 TINDAKAN MENANGANI MASALAH

Hasil daripada pemerhatian, murid amat memerlukan suatu teknik untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Oleh itu, penggunaan kad gambar dua hala dan teknik 'Eye Spy' dalam waktu PdPc telah dijalankan pada 7 Mei hingga 27 Julai 2023. Teknik ini memudahkan murid menguasai kosa kata Bahasa Inggeris dengan cepat dan tepat. Hasil daripada refleksi pembelajaran dan pemudahcaraan yang lalu, pemerhatian dan latihan digunakan oleh pengkaji bagi merasakan bahawa satu tindakan yang agresif perlu dilakukan bagi memastikan murid-murid tidak lagi menghadapi masalah ini.

Aktiviti Intervensi 1 : Menjawab soalan yang berkaitan dengan kosa kata Bahasa Inggeris dengan menggunakan kad gambar dua hala.

Aktiviti ini mula dilaksanakan pada 7 Mei 2023 hingga 31 Mei 2023. Aktiviti ini merupakan hasil refleksi dari latihan yang telah dijalankan di bilik darjah pada bulan April. Aktiviti ini juga bertujuan untuk membimbing murid menjawab soalan yang berkaitan dengan kosa kata Bahasa Inggeris. Latihan pengukuhan satu diberikan setelah kad gambar dua hala digunakan dalam kalangan 6 orang murid tahun 4 Valluvar.

Pada bahagian depan kad gambar dua hala ini mengandungi gambar dan kosa kata. Manakala, pada bahagian belakang pula, kad ini hanya mengandungi gambar yang sama tanpa kosa kata. Menurut kajian Abdul Rahim, R., & Abdul Hamid, H. (2022) menyatakan bahawa kad imbasan adalah salah satu alat yang paling baik bagi membantu murid dalam proses awal mengenal maksud kosa kata. Pada peringkat pertama, pengkaji menggunakan kad ini untuk membantu murid meningkatkan penguasaan kosa kata iaitu boleh mengenal maksud 30 kosa kata berpanduan dengan gambar dengan kosa kata yang disediakan di kad tersebut.

Pada peringkat kedua pula, pengkaji membimbing murid dengan memaparkan bahagian belakang kad gambar dua hala. Pada bahagian ini, kad ini hanya dipaparkan dengan gambar tanpa kosa kata. Pengkaji memastikan murid dapat mengenal maksud 30 kosa kata dengan berpanduan gambar. Pada peringkat ini juga, murid dapat menghuraikan maksud kosa kata, berpanduan dengan gambar untuk memastikan 6 orang murid Tahun 4 Valluvar dapat mengenal maksud dan menguasai 30 kosa kata Bahasa Inggeris.

Kaedah menggunakan kad gambar dua hala boleh dirujuk pada Gambar 2 hingga 3.

Gambar 2 dan 3. Tajuk: Where are you from?



Kad Gambar Hala dua hala yang menunjukkan gambar gambar dengan kosa kata



Kad Gambar Hala dua hala yang menunjukkan tanpa kosa kata (bahagian belakang)


Ujian Pos

Ujian pos dijalankan selepas kad gambar dua hala digunakan dalam mengatasi masalah penguasaan Kosa Kata Bahasa Inggeris. Kumpulan sasaran (6 orang murid) diuji maksud 30 Kosa Kata Bahasa Inggeris dengan memberikan latihan pengukuhan satu iaitu latihan 'Matching'. Data yang diperolehi dari Ujian Pos adalah seperti berikut. Tujuan ujian pos ialah Mengenal maksud 30 kosa kata Bahasa Inggeris dalam latihan 'Matching'

Jadual 2. Pencapaian 6 orang murid dalam ujian pos

Bil	Murid	UJIAN POS MAKSUD KOSA KATA				
		Set 1 (7)	Set 2 (6)	Set 3 (3)	Set 4 (8)	Set 5 (6)
1	A	7/7	6/6	3/3	8/8	6/6
2	B	7/7	6/6	3/3	8/8	6/6
3	C	7/7	6/6	3/3	8/8	6/6
4	D	7/7	6/6	3/3	8/8	6/6
5	E	7/7	6/6	3/3	8/8	6/6
6	F	7/7	6/6	3/3	8/8	6/6

Dapatan daripada analisis latihan pengukuhan satu ini jelas menunjukkan ada peningkatan berlaku dalam diri murid terutamanya dalam menguasai 30 kosa kata Bahasa Inggeris. Latihan pengukuhan satu 'Matching exercise' yang mengandungi 30 soalan (kosa kata) dari 5 topik yang telah dilaksanakan pada 04 Jun 2023 hingga 08 Jun 2023. Beberapa contoh latihan murid:



Pemerhatian Aktiviti 2

Pemerhatian yang dibuat dalam latihan pengukuhan satu menunjukkan peningkatan penguasaan kos kata dalam kalangan murid. Pengkaji mendapati semua orang murid dapat menyiapkan latihan 'Matching' yang diberikan dalam jangka masa yang ditetapkan. Pengkaji memberi tempoh selama 30 minit untuk menyiapkan latihan ini. Akan tetapi, murid dapat menyiapkan latihan 'Matching' dalam masa 15 minit.

Refleksi Aktiviti 2

- Masa yang diambil untuk menyiapkan latihan pengukuhan satu sangat cepat.
- Kemahiran membaca menunjukkan tahap yang kurang memuaskan dalam kalangan murid.
- Latihan tersebut masih terhad dan kurang eksplorasi kepelbagaian bentuk soalan kos kata lain yang lebih mencabar.

Aktiviti Intervensi 2: Latihan kemahiran membaca dan mengenal pasti 30 kos kata Bahasa Inggeris dengan teknik 'Eye Spy'.

Aktiviti ini dilaksanakan pada 13 Jun 2023 hingga 20 Julai 2023. Aktiviti ini merupakan hasil refleksi dari latihan pengukuhan satu. Aktiviti ini bertujuan untuk membimbing murid untuk membaca dan mengenal pasti 30 kos kata berpanduan gambar yang diberi dengan menggunakan teknik 'Eye Spy'.

Setelah murid menguasai 30 kos kata Bahasa Inggeris dengan menggunakan kad gambar dua hala, murid diberi modul bacaan yang mengandungi 30 teks pendek (short text). Ia disediakan dengan pengulangan setiap 30 kos kata beberapa kali dalam petikan tersebut (short teks with repetition vocabulary).

Teknik 'Eye Spy' ialah satu aktiviti mencari kos kata Bahasa Inggeris yang berulang dalam teks Bahasa Inggeris yang disediakan. Murid-murid mengenalpasti 30 kos kata dengan menggunakan teknik 'Eye Spy' serta membulatkan kos kata dalam petikan yang disediakan. Seterusnya, murid-murid ini membaca petikan tersebut dengan memahami maksudnya. Teknik ini juga meningkatkan daya ingatan dan penguasaan kos kata serta

kemahiran membaca dalam kalangan 6 orang murid Tahun 4 Valluvar. Bentuk latihan yang semakin mencabar ini mampu meningkatkan kecekapan murid dalam menguasai 30 kosa kata serta dapat meningkatkan kemahiran membaca Bahasa Inggeris.

Bil	Murid	UJIAN BAGI BACAAN 'SHORT TEXT'				
		Set 1 (7)	Set 2 (6)	Set 3 (3)	Set 4 (8)	Set 5 (6)
1	A	7/7	6/6	3/3	8/8	6/6
2	B	7/7	6/6	3/3	8/8	6/6
3	C	7/7	6/6	3/3	8/8	6/6
4	D	7/7	6/6	3/3	8/8	6/6
5	E	7/7	6/6	3/3	8/8	6/6
6	F	7/7	6/6	3/3	8/8	6/6

Jadual 3. Pencapaian 6 orang Murid Dalam Ujian Bacaan


Dapatan daripada ujian bacaan ini jelas menunjukkan ada peningkatan berlaku dalam 6 orang murid dalam kemahiran membaca Bahasa Inggeris.

Pemerhatian Aktiviti 3

Pemerhatian yang dibuat dalam aktiviti kedua menunjukkan peningkatan penguasaan kosa kata Bahasa Inggeris murid dengan menggunakan teknik 'Eye Spy'. Didapati teknik ini juga sesuai digunakan untuk mengenal pasti 30 kosa kata di teks tersebut. Manakala, pengkaji menguji murid dengan memberikan latihan pengukuhan tiga. Aktiviti ini dilaksanakan pada 24 Julai 2023 hingga 27 Julai 2023.

Refleksi Aktiviti 3

- i. Murid dapat mengenal pasti 30 kosa kata Bahasa Inggeris.
- ii. Murid lebih mahir dalam kemahiran membaca dalam Bahasa Inggeris
- iii. Tempoh masa yang diambil untuk menyiapkan latihan pengukuhan 3 adalah antara 5 hingga 20 minit. Ini menunjukkan murid tidak lagi mengharapkan guru untuk menjawab soalan kosa kata.



Graf 1. Menunjukkan bilangan pencapaian murid dalam ujian pos dan ujian pra dalam mengenal maksud kosa kata Bahasa Inggeris.

Dapatan daripada kajian yang dijalankan terbukti menunjukkan penggunaan kad gambar dua berhala dan teknik 'Eye Spy' dapat menunjukkan peningkatan dalam penguasaan 30 kosa kata Bahasa Inggeris. Kenyataan ini dapat dikukuhkan dengan perbandingan keputusan ujian pra dan ujian pos yang telah dijalankan ke atas 6 orang murid Valluvar. Hasil dari ujian pos yang dijalankan terhadap kumpulan sasaran, dapat menjelaskan bahawa kaedah dan teknik pembelajaran adalah faktor penting untuk meningkatkan penguasaan kosa kata Bahasa Inggeris. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji, dapat dilihat penggunaan kad gambar dua hala dan teknik 'Eye Spy' membantu murid-murid Tahun 4 Valluvar boleh mengenal maksud kosa kata dan dapat mengenalpasti kosakata dalam petikan dengan menggunakan 'teknik Eye Spy'. Disamping itu, pemerhatian yang dibuat dalam latihan yang diberikan menunjukkan peningkatan penguasaan dalam kemahiran kosa kata serta murid-murid ini juga boleh menjawab soalan Bahasa Inggeris dengan betul. Selain ini, penggunaan teknik 'Eye Spy' membantu murid-murid boleh baca petikan Bahasa Inggeris dengan lancar dan betul. Murid-murid juga dapat mengenalpasti kosa kata dalam petikan tersebut sambil bulatkan kosa kata tersebut.

4.3 Refleksi Pelaksanaan Aktiviti Secara Menyeluruh

Refleksi dari pelaksanaan aktiviti secara menyeluruh telah menunjukkan Eye Spy membantu meningkatkan keberkesanan penghafalan maksud kosa kata dan meningkatkan kualiti pengalaman belajar dalam kalangan murid Tahun 4.

"Murid dapat mengingat kosa kata dengan lebih pantas contohnya perkataan 'clear the table' - mereka dapat memahami dan menyebut dengan betul walaupun ada sedikit kesilapan kecil" –

Guru1

"Saya berasa seronok belajar cara ini, kami berebut untuk menjawab soalan Bahasa Inggeris" –

Murid 1

"Saya memahami maksud perkataan apabila menggunakan kad gambar dua hala"
Murid 2

"Saya boleh jelaskan maksud kosa kata dalam kumpulan "
Murid 3

"Saya boleh mengenalpasti kosa kata dan dapat mengenalpasti kosa kata dalam petikan Bahasa Inggeris dengan menggunakan teknik 'Eye Spy'"
Murid 4

Sepanjang kajian ini dijalankan, pengkaji dapat melihat berlakunya peningkatan yang sangat memberangsangkan dalam usaha menguasai dan mengenal maksud 30 kosa kata Bahasa Inggeris dengan menggunakan kad gambar dua hala. Seterusnya, teknik 'Eye Spy' juga membantu murid-murid dalam mengenalpasti 30 kosa kata Bahasa Inggeris dalam petikan yang diberikan. Pengkaji menggunakan teknik 'Eye Spy' dengan membimbing murid dalam kumpulan. (berpusatkan murid) Selain ini, penggunaan kad gambar dua hala membantu murid dapat meningkatkan pencapaian mereka pada tahap optimum secara berterusan dalam penguasaan kosa kata Bahasa Inggeris. Selain itu, penggunaan teknik 'Eye Spy' juga membolehkan murid berpotensi untuk membaca petikan Bahasa Inggeris dengan memahami maksud petikan Bahasa Inggeris dengan betul. Seterusnya, 6 orang murid ini dapat menjawab soalan yang berkaitan dengan 30 kosa kata Bahasa Inggeris dengan betul. Di samping itu, murid-murid ini juga mahir dalam penguasaan 30 kosa kata Bahasa Inggeris jika dibandingkan dengan situasi sebelum menggunakan kad gambar dua hala dan teknik 'Eye Spy' di bilik darjah.

Sehubungan dengan itu, teknik ini membantu guru dalam pengajaran dan pemudahcaraan secara tidak langsung serta dapat meningkatkan keyakinan guru terhadap cara pengajaran kosa kata Bahasa Inggeris di bilik darjah. Suasana bilik darjah juga semakin ceria dan kondusif kerana murid faham dengan pengajaran yang disampaikan oleh guru.

5. KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang dilaksanakan, penyelidik masih melihat beberapa kelemahan lain dalam menguasai kosa kata Bahasa Inggeris. Dalam aspek penguasaan kosa kata, aspek kemahiran ejaan juga amat dititikberatkan apabila menjawab soalan subjektif. Dalam kajian ini, didapati murid mempunyai kelemahan dalam kemahiran ejaan. Pada masa akan datang, penyelidik bercadang untuk membantu murid meningkatkan kemahiran ejaan. Tinjauan awal akan dibuat secara lebih berfokus untuk mengenal pasti punca kelemahan tersebut dan sehubungan dengan itu penyelidik dapat merancang tindakan intervensi yang berkesan untuk mengatasinya.

REFERENCES

- Abdul Rahim, R., & Abdul Hamid, H. (2022). Mastering English Language Vocabulary in Early Childhood Education with G-ALPHA: WORD CARD. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 11, 89-102. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol11.sp.8.2022>
- Fong, P.C.& Mohd Fikri Ismail (2020). Pelaksanaan pendekatan bermain dalam PdP BM murid awal kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Murid awal kanak-kanak Kebangsaan*. 9(1), 14-25.
- Ilxomovich, A. I. (2024). An analytical approach to vocabulary enhancement strategies in EFL contexts. *University Research Base*, 61-66.

- Nation, P. (2017). How vocabulary is learned. *Indonesian JELT: Indonesian Journal of English Language Teaching*, 12(1), 1-14.
- Nation, P. (2023). Vocabulary within a four strands curriculum: An interview with Paul Nation. *International Journal of TESOL Studies*, 5(2), 1-10.
- Nur Nazuha Beevi Abdul Aziz (2018). Kit “Emotion Body Response” (EBR) meningkatkan penguasaan dan pemahaman kosa kata Bahasa Inggris dalam kalangan murid awal kanak-kanak prasekolah. *Seminar Darulaman 2018 Peringkat Kebangsaan*
- Schmitt, N., & Schmitt, D. (2020). *Vocabulary in language teaching*. Cambridge university press.
- Yuldasheva, D. A. (2021). Some essential trends in teaching second language vocabulary. *Academic research in educational sciences*, 2(6), 782-786.